



JABATAN PERLINDUNGAN
HIDUPAN LIAR
DAN
TAMAN NEGARA
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Laporan Tahunan

1984

UNIT PENYELIDIKAN BADAK (*Dicerorhinus sumatrensis*)

Peristiwa yang paling bersejarah bagi unit ini ialah penangkapan seekor badak kerbau betina di Jeram, Selangor pada 30hb. April, 1984. Badak itu telah terperangkap di sebuah ladang kelapa sawit dan telah ditangkap oleh pekerja-pekerja ladang tersebut. Ia sekarang berada di Zoo Air Keroh Melaka dan dikurung di dalam sebuah kurungan kayu sementara. Seekor anak badak kerbau jantan juga telah dapat ditangkap di Erong, Perak.



Di Hutan Simpan Bintang Hijau Ulu Selama Perak, seekor anak badak dengan ukuran tapak kaki 16.0 sm (5.0 sm) telah dapat dikesan di Sira Kemian bersama dengan ibunya.

Cawangan unit penyelidikan badak kerbau bagi negeri Kelantan telah ditubuhkan dalam bulan Julai 1984 dan ditempatkan di Kuala Krai. Penyelidikan yang dijalankan di kawasan Hutan Simpan Sg. Rek dan Ulu Sat telah menunjukkan sekurang-kurangnya terdapat tiga ekor badak kerbau di situ dengan ukuran tapak kaki 22.0 sm (10.0 sm), 14.2 sm (5.25 sm) dan 18.0 sm (8.3 sm).

Pembukaan hutan di kawasan Cangkat Menteri telah menyebabkan antara dua dan tiga ekor badak yang berlindung di dalam hutan itu keluar ke kawasan lapang. Dalam bulan Oktober seekor badak telah masuk ke-kawasan kampung di Parit 16, kawasan kuala Selangor. Unit dengan bantuan kakitangan dari Temerloh telah mengawasi kawasan tersebut kerana kawasan itu menjadi tumpuan ramai para pemburu babi hutan. Binatang itu akhir sekali dikesan menyeberangi Sg. Bernam menuju ke kawasan Sg. Manila.

Di Taman Negara, kajian telah dijalankan di semua kawasan-kawasan badak termasuk di Gunung Gagau dan Ulu Kelantan.

UNIT PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN HARIMAU (*Panthera tigris*)

Terdapat empat cawangan Unit Penyelidikan dan Pengurusan Harimau yang bertempat di a) Kota Bharu, Kelantan, b) Kuala Terengganu, Terengganu, c) Ladang Lembu Darabif, Pahang Tenggara dan d) Slim Village, Village, Perak Selatan. Unit-unit yang berada di Darabif dan Slim Village selain daripada menjalankan kerja-kerja kawalan harimau juga menjalankan kerja-kerja penyelidikan atas harimau-harimau yang mengganggu haiwan ternakan di Ladang Lembu Darabif, Pahang Tenggara dan ladang Lembu Behrang Ulu, Tanjung Malim Perak Selatan.

Dalam tahun 1984 unit ini telah menerima dan bertindak kepada kes-kes gangguan harimau seperti berikut:

Negeri	Jenis Kes
Kelantan	24 kes gangguan harimau bagi seluruh negeri Kelantan
Terengganu	28 kes gangguan harimau bagi seluruh negeri Terengganu
Pahang	12 kes tangkapan lembu oleh seekor harimau di ladang lembu Darabif, Pahang Tenggara
Perak	7 kes tangkapan lembu oleh seekor harimau di ladang lembu Behrang Ulu, Tanjung Malim, Perak Selatan.

Selain daripada itu unit ini juga telah menyiasat kawasan keliraran/kehadiran:

- a) harimau belang di Empangan Kenyir, Ulu terengganu
- b) harimau belang di Kg. Sepri, Pemas, Negeri Sembilan
- c) harimau kumbang di FELCRA, Weng, Baling, Kedah
- d) kucing liar di Ladang Bkt. Choh, Jeram, Selangor.
- e) harimau kumbang di Sg. Dusun, Selangor

Dalam tahun ini juga bilangan lembu-lembu yang mati akibat serangan harimau telah berkurang ke tahap yang rendah sekali, iaitu daripada 192 kematian pada 1982 ke 13 kematian 1984, di ladang lembu Darabif dan ladang lembu Behrang Ulu. Dengan kejayaan itu, kerja-kerja penyelidikan mengenai masalah keganasan harimau ke atas haiwan ternakan di kedua-dua ladang tersebut telah diberhentikan pada hujung tahun 1984. Hasil daripada kajian yang dijalankan dua buah laporan telah disediakan:

- a) Banjaran kewilayahan harimau-harimau dewasa di ladang ternakan Lembu BEH-RANG Ulu
- b) Masalah pemangsa haiwan-haiwan ternakan oleh harimau di kedua-dua ladang ternakan tersebut

UNIT PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN SELADANG

(*Bos gaurus hubbacki*)

Unit Penyelidikan Seladang tertumpu di kawasan Ulu Lepar dan Unit Pengurusan Seladang tertumpu di Jenderak, Pahang.

Unit Penyelidikan Seladang:

Penyelidikan ke atas Seladang tertumpu kepada kerja-kerja bancian taburan dan populasi Seladang khasnya di Ulu Lepar. Setelah bancian populasi seladang dibuat dianggarkan hanya 60 ekor seladang yang masih terdapat di Ulu Lepar. Enam kumpulan seladang yang terdapat di Ulu Lepar ialah kumpulan Kuala Berakit, Ulu Sg. Rami, padang Komunis, Blok D Asia Oil Palm, Blok E Pahang Oil Palm dan MCA Ulu Luit Sg. Selangon. Daripada hasil bancian tahun 1984, didapati bilangan populasinya semakin berkurang. Jumlah yang dianggarkan kurang 23 ekor berbanding dengan 83 ekor pada tahun 1983. Keadaan ini terjadi disebabkan oleh kegiatan pembalakan dan orang luar yang selalu keluar masuk menyebabkan beberapa kumpulan seladang berpindah terutama di kawasan MCA Ulu Luit Sg. Selangon dan Ulu Sg. Rami.

Unit Pengurusan Seladang:

Pada tahun 1984, unit pengurusan seladang lebih menitik beratkan terutama bagi kerja-kerja tangkapan anak seladang di kawasan Ulu Lepar dan usaha-usaha membiak seladang di dalam kurungan di Jenderak, Pahang.